

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI PERASMIAN HARI SISWANITA KETIGA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), PULAU PINANG  
PADA HARI SABTU, 9HB. FEBRUARY 1985  
PUKUL 10.00 PAGI

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan selamat sejahtera.

Dif-Dif Kehormat;

Saudari-Saudari siswanita;

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin  
sekalian.

1. YBhg Dato Musa Mohd, N/Chanellor. YSM.
2. " Datin Majnun Shauff
3. YBembaha Cik Ong <sup>Meekie</sup> ~~Beh~~, Pengarah 1, Hain Siswanita
4. An. Anuran - Pnenden, Majlis Perwakil  
Pelajar,

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana telah diberi penghargaan untuk memberi sepatah dua kata sempena hari yang berbahagia ini. Tidak lupa juga saya merakamkan penghargaan saya kepada pihak Hal Ehwal Siswi, Majlis Perwakilan Pelajar khususnya dan pihak Universiti Sains Malaysia, amnya yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Hari Siswanita Ketiga 1985 ini.

Para hadirin sekalian,

2. Pada hemat saya projek siswanita ini adalah hasil daripada perancangan yang matang serta juga di atas kesedaran di kalangan mahasiswi-mahasiswi di Universiti ini tentang peranan dan tanggungjawab mereka bukan sahaja

sebagai bakal ibu-ibu, tetapi juga sebagai bakal graduan yang suatu hari nanti akan membantu ke arah kemajuan masyarakat, bangsa dan negara. Atas kesedaran ini saya berasa amat bangga kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini dan melihat siswi-siswi Universiti ini berjaya membuktikan bahawa mereka juga berkeupayaan dan setanding dengan kaum lelaki. Kejayaan mereka ini telah membuktikan kepada kita bahawa kaum wanita mempunyai keupayaan dan sanggup memberi pengorbanan terhadap pembangunan negara sekiranya diberi peluang pendidikan dan pendedahan yang seimbang dengan kaum lelaki.

3. Saya diberitahu bahawa sebagai menyambut seruan daripada Menteri Pelajaran, Universiti

ini telah membuat keputusan untuk memperluaskan peluang-peluang bagi pelajar-pelajar sekalian melibatkan diri dalam Rancangan Ko-Kurikulum. Dalam hal ini, saya berasa senang hati mendengar bahawa segala galakkan akan diberikan kepada pelajar-pelajar wanita untuk mengambil bahagian dalam rancangan Ko-Kurikulum yang dimaksudkan itu. Oleh yang demikian saya ingin menyeru kepada pelajar-pelajar wanita supaya merebut peluang keemasan ini untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dirancang demi kepentingan saudari-saudari sekalian. Melalui penglibatan dalam kegiatan-kegiatan tersebut, saudari sendiri akan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat pada diri sendiri di samping mengukuhkan semangat untuk memajukan diri,

Justeru itu bakat-bakat kewanitaan yang terpendam dalam diri saudari-saudari itu akan dapat dicungkil dan dimajukan.

Saudari-saudari

4. Dalam zaman moden ini, kita tidak boleh membiarkan diri kita dianggap sebagai sekuntum mawar yang hanya menunggu agar dipetik setakat untuk dijadikan perhiasan. Sebenarnya kita harus meningkatkan lagi taraf kita, lebih daripada sejambak bunga yang berbau harum untuk dijadikan perhiasan di hujung dapur - malahan kita harus membuktikan kepada kaum lelaki bahawa dengan adanya peluang yang sama, kita juga sanggup berkorban untuk memperjuangkan darjat serta maruah bangsa dan nusa dalam zaman

pembangunan ini. Kita perlu mengubah pendirian kita daripada bukan hanya untuk dipimpin tetapi juga sanggup memimpin sekiranya diberi peluang.

5. Selanjutnya, perlu saya nyatakan di sini bahawa amat senang untuk seseorang melaung - kami memimpin. Tetapi untuk memberi kepimpinan yang berkesan adalah satu tanggungjawab yang bukan mudah, terutama sekali dalam masyarakat berbilang kaum dalam sebuah negara membangun. Seseorang pemimpin, terutama sekali pemimpin wanita perlu terlebih dahulu mengenal dirinya sendiri terutama sekali daripada segi kelemahan dan kekuatannya. Seseorang pemimpin wanita perlu sedar bahawa sebagai seorang bakal ibu, beliau mempunyai tanggungjawab kepada

keluarganya. Oleh itu rebutlah peluang keemasan ini untuk melibatkan diri dalam rancangan-rancangan yang disusun dalam projek siswanita ini bagi membekalkan diri sendiri dengan segala keperluan untuk menjadi pemimpin wanita yang berkewibawaan.

6. Akhir sekali ingin saya mengingatkan bahawa dalam usaha-usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum wanita, Kerajaan juga menaruh harapan yang tinggi kepada kita semua dalam memberi sumbangan ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Kerajaan memerlukan kaum wanita yang bukan sahaja cekap, bersih dan beramanah, tetapi juga kepada kaum wanita yang mempunyai sikap sederhana dan tidak keterlaluan. Oleh itu amalkanlah sifat-sifat mulia yang diredhai

*di terima oleh*

oleh agama dan masyarakat demi kepentingan  
keturunan kita semua.

7. Saya sudah ucapan saya ini dengan  
sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih  
dan dengan ini merasmikan pembukaan "HARI  
SISWANITA KE-III" Universiti Sains Malaysia

1985.

Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu  
Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
TAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA